



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pencen (Pindaan) 1985

DR.19/1985

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen (Pindaan) 1985.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Pencen 1980, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “bulanan yang akhir diterima” dalam tafsiran “gaji yang akhir diterima”, perkataan-perkataan “atau dalam hal persaraan di bawah seksyen 12A gaji hakiki bulanan sebenarnya yang akhir diterima yang dibayar kepadanya oleh pertubuhan itu semasa dia tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru”.

Pindaan seksyen 2.
Akta 227.

3. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan “seksyen 10” dalam seksyen-kecil (1), perkataan-perkataan “atau di bawah seksyen 12A”.

Pindaan seksyen 6.

4. Perenggan (b) seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 8.

(a) dengan menggantikan perkataan “atau” dengan koma; dan

(b) dengan memasukkan, selepas perkataan “perubahan”, perkataan-perkataan “atau di bawah seksyen 12A”.

Pindaan
seksyen 9.

5. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan koma bertitik dan perkataan “atau” dalam perenggan (c) dengan noktah;
- (b) dengan memotong perenggan (d);
- (c) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai seksyen 9 (1); dan
- (d) dengan memasukkan, selepas seksyen-kecil (1) sebagaimana dinomborkan semula, seksyen-kecil baru (2) yang berikut:

“(2) Seseorang pegawai berpencen boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah jika persaraan itu adalah di bawah seksyen 12A.”

Pindaan
seksyen 12A.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 12A dengan seksyen baru 12A yang berikut:

“Persaraan 12A. (1) Tertakluk kepada seksyen-kecil (2), setelah dilantik (3) dan (4) jika seseorang pegawai berpencen untuk berkhidmat yang berumur kurang daripada empat puluh dalam lima tahun bagi pegawai perempuan atau berpertubuhan. umur kurang daripada lima puluh tahun bagi pegawai lelaki dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan, walau bagaimanapun cara ianya ditubuhkan dan sama ada atau tidak Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa kepentingan di dalamnya, sama ada secara langsung atau sebaliknya, atau dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa yang mana Kerajaan menjadi anggota, dia boleh disifatkan telah bersara daripada perkhidmatan awam pada tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam dan pegawai tersebut, jika sekiranya dia mati sebelum mencapai umur empat puluh lima tahun atau lima puluh tahun, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah, bagi maksud seksyen 14, disifatkan telah mati dalam perkhidmatan.

(2) Jika seseorang pegawai berpencen yang berumur kurang daripada empat puluh lima tahun bagi pegawai perempuan atau kurang

daripada lima puluh tahun bagi pegawai lelaki dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru, apa-apa tempoh perkhidmatan sedemikian dengan pertubuhan itu di bawah terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru bolehlah dimasukirakan bagi maksud memberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah kepada pegawai itu.

(3) Seseorang pegawai berpencen boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah apabila mencapai umur empat puluh lima tahun bagi pegawai perempuan atau lima puluh tahun bagi pegawai lelaki, dan dia telah berkhidmat dalam pertubuhan atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa ke dalam mana dia telah dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam atau sehingga dia berumur empat puluh lima tahun atau lima puluh tahun, mengikut mana yang berkenaan, mengikut mana yang terdahulu.

(4) Walau apa pun peruntukan seksyen-kecil (3), jika perkhidmatan pegawai itu ditamatkan oleh pertubuhan atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa ke dalam mana dia dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan atas sebab-sebab pengurangan pekerja-pekerja atau sakit, atau jika kontrak tidak diperbaharui berkenaan dengan perlantikannya dalam pertubuhan antarabangsa itu, dia boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah."

Seksyen
Baru 12B.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 12A, seksyen baru 12B yang berikut:

“Sumbangan bulanan kepada Kumpulan Wang Disatukan. 12B. Pertubuhan ke dalam mana seseorang pegawai berpencen dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan di bawah seksyen 12A (2) hendaklah membuat sumbangan bulanan kepada Kumpulan Wang Disatukan pada kadar tujuh belas setengah peratus daripada gaji bulanan pegawai tersebut bagi setiap pegawai berpencen semasa dia tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pencen 1980.

2. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan gaji yang akhir diterima oleh seseorang pekerja yang bersara di bawah seksyen 12A jika terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatannya adalah sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru.

3. *Fasal 3* memperuntukkan suatu pencen minimum sebanyak satu perlima daripada gaji akhir diterima oleh pegawai itu dalam hal persaraan di bawah seksyen 12A.

4. *Fasal 4* memperuntukkan bahawa bagi maksud persaraan di bawah seksyen 12A, seseorang pegawai tetap dan telah disahkan adalah disifatkan menjadi pegawai berpencen sebelum dia genap sepuluh tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira.

5. *Fasal 5* memperuntukkan bahawa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah boleh juga diberi kepada pegawai berpencen jika dia bersara di bawah seksyen 12A.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 12A untuk membolehkan Kerajaan melantik mana-mana pegawai berpencen yang belum mencapai umur persaraan pilihan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan jika khidmat pegawai itu diperlukan. Ia juga memperuntukkan bahawa tempoh perkhidmatan dengan pertubuhan itu di atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru boleh diambil-kira bagi maksud pencen, ganjaran atau lain-lain faedah. Seseorang pegawai berpencen boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah apabila mencapai umur empat puluh lima tahun bagi pegawai perempuan atau lima puluh tahun bagi pegawai lelaki jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan selama tempoh lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam atau sehingga empat puluh lima tahun atau lima puluh lima tahun, mengikut mana yang berkenaan, mengikut mana yang terdahulu.

7. *Fasal 7* memperuntukkan bahawa dalam hal seorang pegawai berpencen yang dilantik untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan di atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru, pertubuhan itu hendaklah membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Disatukan pada kadar $17\frac{1}{2}\%$ daripada gaji bulanan pegawai itu semasa dia berada di bawah terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama dalam Skim Baru.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan perbelanjaan wang tambahan kepada Kerajaan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1310.]

advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, and by the authority of the same, as follows:

1. This Act may be cited as the Pensions (Amendment) Act 1985.

2. Section 2 of the Pensions Act 1980, which in this Act is referred to as "the principal Act", is amended by inserting after the words "substantive salary" in the interpretation of "last drawn salary" the words "or in the case of retirement under section 12A his actual last drawn monthly substantive salary paid to him by the organization whilst on the same terms and conditions of service as in the New Scheme". Amendment of section 2. Act 237.

3. Section 6 of the principal Act is amended by inserting after the words "section 10" in subsection (1) the words "or under section 12A". Amendment of section 6.

4. Paragraph (b) of section 8 of the principal Act is amended— Amendment of section 8.

(a) by substituting for the word "or" a comma, and

(b) by inserting after the word "ground" the words "or under section 12A".

5. Section 9 of the principal Act is amended— Amendment of section 9.

(a) by substituting for the semi-colon and the word "or" in paragraph (c) a full stop;

(b) by deleting paragraph (d);

(c) by renumbering the existing section as section 9 (1); and